

بَابُ إِنْ صَلَّى فِي تَوْبٍ مُصَلَّبٍ أَوْ تَصَاوِيرٍ هَلْ تُقْسَدُ صَلَاتُهُ وَمَا يَنْهَى مِنْ ذَلِكَ

15- Bab Jika Seseorang Bersembahyang Dengan Memakai Pakaian Yang Ada Lambang Salib Atau Gambar-Gambar (Lain Padanya), Adakah Batal Sembahyangnya? Dan (Bab) Pakaian-Pakaian Yang Dilarang Memakainya Pada Ketika Bersembahyang.⁴³⁴

memakainya dalam sembahyang. Banyak lagi cara yang boleh dipilih Abu Jahm, sama ada dengan menyimpannya sebagai kenangan atau sebagai mengambil berkat dengannya atau menggunakannya untuk tujuan-tujuan lain selain sembahyang. **Kedua:** Kain selimut itu tidak akan mempesonakan Abu Jahm walaupun digunanya untuk bersembahyang, kerana beliau adalah seorang buta. **Ketiga:** Tidak semestinya sesuatu yang mengganggu jiwa Nabi s.a.w. akan mengganggu jiwa orang lain. Seseorang yang tidak sukakan buah durian misalnya akan terganggu dengan kehadiran bau durian, akan tetapi peminat durian sebaliknya akan terliur untuk menikmati sebaik saja mendapat baunya. **Keempat:** Nabi s.a.w. dikehendaki menyampaikan ajaran agama secara praktikal supaya kesannya lebih mendalam. Apa yang dapat difahami daripada perbuatan Nabi s.a.w. memulangkan selimut kepada Abu Jahm itu ialah sesuatu yang tidak baik atau tidak sesuai untuk seseorang tidak semestinya ia tidak baik dan tidak sesuai untuk orang lain. Kiranya adalah kebaikan dan kesesuaian selimut itu untuk Abu Jahm, walaupun beliau memakainya ketika bersembahyang. Kalau tidak kenapa Rasulullah s.a.w. mengembalikan kepadanya tanpa apa-apa pesanan berhubung dengannya?

Banyak juga pengajaran dan panduan yang dapat diambil daripada hadits ini. Antaranya ialah: (1) Keharusan memakai kain atau pakaian yang bercorak-corak. (2) Keharusan bersembahyang dengan memakainya. (3) Sedikit sebanyak lintasan hati yang timbul ketika seseorang bersembahyang tidak menjejaskan sembahyangnya. Ini adalah salah satu perkara yang diijma'kan oleh para 'ulama'. (4) Terfikir tentang sesuatu yang tiada kaitannya dengan sembahyang tidak membatalkan sembahyang. (5) Khushu' di dalam sembahyang adalah dituntut. Oleh itu menghilangkan perkara-perkara yang boleh melekakan hati dan mengganggu fikiran juga dituntut. (6) Bersegera meninggalkan apa-apa yang melalaikan jiwa daripada keta'atan kepada Allah. (7) Berhati-hati terhadap dunia dan fitnah pesonanya. (8) Larangan memandang sesuatu yang boleh memikat hati ketika bersembahyang. (9) Boleh memanggil seseorang dengan kunyahnya. (10) Makruh menghiasi mihrab atau dinding masjid sehingga melalaikan orang yang bersembahyang. (11) Keharusan menerima hadiah daripada sahabat handai dan memberi hadiah kepada mereka. (12) Boleh menerima hadiah daripada orang yang lebih rendah tarafnya daripada kita. (13) Boleh menerima hadiah daripada orang cacat penglihatan dan sebagainya. (14) Keharusan mengembalikan hadiah kepada pemberinya jika diyakini dia tidak akan berkecil hati. (15) Menjaga hati sahabat handai jangan sampai mereka terkilan. (16) Tidak salah menukar barang yang bermutu tinggi dengan barang yang lebih rendah mutunya jika ada sebab yang munasabah. (17) Setengah-setengah corak atau fesyen pakaian tidak sesuai dengan orang atau golongan tertentu. (18) Setengah-setengah corak atau fesyen pakaian tidak sesuai dipakai utk bersembahyang. (19) Apa-apa yang dilihat, termasuk gambar-gambar meninggalkan kesan kepada jiwa. (20) Pelbagai jenis kain dan pakaian telah digunakan oleh Nabi s.a.w. dan para sahabatnya. (21) Rasulullah s.a.w. sangat menjaga kesempurnaan sembahyangnya. Itulah antara contoh tauladan yang ditinggalkan beliau agar ditiru dan dicontohi umatnya.

⁴³⁴ Tajuk bab yang dibuat Bukhari r.a. ini dapat dibahagikan kepada beberapa juzu' atau bahagian, iaitu: (1) Jika Seseorang Bersembahyang Dengan Memakai Pakaian Yang Ada Lambang Salib. (2) Atau Gambar-Gambar. Maksudnya ialah gambar-gambar yang lain selain salib. Ia boleh dibahagikan kepada dua pula, iaitu: i- Gambar-gambar binatang atau makhluk yang bernyawa. ii- gambar-gambar makhluk yang tidak bernyawa. (3) Hukum bersembahyang dengan memakai pakaian-pakaian itu. Adakah ia memabatalkan sembahyang atau tidak? (4) Pakaian-Pakaian Yang Dilarang Memakainya Pada Ketika Bersembahyang. Jika dikatakan perkataan **أَوْ** sebelum **تَصَاوِيرٍ** adalah **athaf** kepada perkataan **مُصَلَّبٍ**, maka ia bererti "ataupun jika seseorang bersembahyang dengan memakai pakaian yang ada gambar-gambar (lain padanya)." Taqdirnya dalam bahasa Arab ialah **أَوْ إِنْ صَلَّى فِي تَوْبٍ مُصَلَّبٍ أَوْ تَصَاوِيرٍ** iaitu dengan dihapus (dibuang) mudhafnya. Tetapi jika dikatakan perkataan **أَوْ** sebelum **تَصَاوِيرٍ** adalah **athaf** kepada perkataan **تَوْبٍ**, maka ia memberi erti "atau jika seseorang bersembahyang di tempat yang ada gambar-gambar (di sekelilingnya, di atasnya atau di bawah kakinya)" iaitu dengan taqdir **إِنْ صَلَّى فِي مَكَانٍ فِيهِ تَصَاوِيرٍ**. Jika i'rab ini diambil kira, maka boleh juga disimpulkan bahawa Bukhari r.a. mahu menyatakan hukum bersembahyang di tempat yang ada gambar-gambar. Bukhari r.a. tidak menetapkan hukum bersembahyang sama ada dengan memakai pakaian berlambang salib atau bergambar lain selain salib atau di tempat yang ada salib atau gambar-gambar lain itu. Beliau melalui bahagian ketiga bab ini hanya mengemukakan pertanyaan "Adakah batal sembahyangnya?"

Sudah menjadi qaedah beliau di dalam kitab Sahihnya ini bahawa dengan tidak menetapkan apa-apa hukum tentang sesuatu perkara dan hanya mengemukakan soalan berhubung dengan hukumnya, biasanya mengisyratkan kepada beberapa perkara berikut: **Pertama:** Adanya khilaf atau perbezaan pendapat 'ulama' tentang hukum perkara berkenaan. **Kedua:** Masing-masing golongan yang berbeza pendapat itu mempunyai hujah yang agak kuat atau ada nilainya untuk dipertimbangkan. **Ketiga:** Terdapatnya jawapan bagi soalan itu di dalam hadits di bawah tajuk bab berkenaan. Jawapan yang dapat disimpulkan daripada hadits di bawahnya bagi Bukhari r.a. ialah makruh. Memakainya tidaklah membatalkan sembahyang seseorang. Kerana apa yang perlu ada pada pakaian untuk sembahyang ialah menutup 'aurat dan bersih semata-mata. Nabi s.a.w. hanya menyuruh 'Aaisyah r.a. agar membuang langsir itu dari hadapannya. Beliau s.a.w. tidak berhenti bersembahyang kerananya. Tidak juga Beliau s.a.w. melarang dengan jelas bersembahyang dalam keadaan memakai pakaian berlambang salib atau bergambar dan bersembahyang di tempat-tempat yang ada gambar-gambar. Demikian juga Beliau s.a.w. sendiri tidak mengulangi sembahyang yang telah dikerjakannya itu. Perbuatan Rasulullah s.a.w. ini jelas menunjukkan ia adalah makruh tetapi tidaklah sampai membatalkan sembahyang. Namun begitu ada juga 'ulama' berpendapat sembahyang dalam keadaan tersebut tidak sah. Perbezaan pendapat 'ulama' dalam masalah ini sama seperti dalam banyak masalah-masalah lain, berpunca daripada satu qaedah, iaitu adakah larangan syara' daripada sesuatu atau perintahnya supaya menghilangkan sesuatu bererti kita tidak boleh memakai atau menggunakan sesuatu yang dilarang itu? Dan adakah larangan syara' bererti sesuatu yang dilarangnya jika dilakukan atau diguna, menyebabkan sesuatu amalan kita tidak sah? (النهي هل يقتضي الفساد أم لا). Jumhur 'ulama' berpendapat jika larangan itu berkaitan dengan kewujudan atau zat sesuatu perkara atau ia merupakan syarat bagi sesuatu amalan, maka ia akan menyebabkannya tidak sah. Tetapi jika ia hanya berkaitan dengan perkara luaran bagi sesuatu amalan agama kita, maka ia tidak akan menyebabkannya tidak sah. Antara tokoh-tokoh yang berpendapat demikian ialah Bukhari r.a., Syafi'e, Malik, Abu Hanifah dan Ahmad dalam salah satu pendapatnya. Berdasarkan pendapat Ahmad yang lebih kuat, menggunakan sesuatu yang dilarang atau diharamkan dalam sembahyang, menyebabkan sembahyang tidak sah. Justeru mengikut pendapat jumhur, sembahyang seseorang yang memakai pakaian bernajis atau sembahyangnya di tempat bernajis adalah tidak sah. Ini kerana pakaian dan tempat yang suci merupakan syarat bagi sahnya sembahyang. Tetapi sembahyang seseorang yang memakai pakaian yang dicurinya atau dirampasnya (sebagai contoh), tetap dikira sah walaupun dia berdosa. Berbeza dengan pendapat Ahmad dan golongan Zahiri kerana mereka mengatakan, sembahyang seseorang yang memakai pakaian yang dicuri atau dirampas juga tidak sah. Kedudukannya sama juga dengan jika dia bersembahyang dengan memakai pakaian bernajis. Alasan mereka ialah kedua-duanya adalah dilarang dalam agama. Sesuatu yang dilarang agama, jika dilakukan atau diguna untuk menunaikan sesuatu amalan ibadat khususnya, akan menyebabkan amalan kita itu tidak sah dan tidak diterima. Pendek kata qaedah yang diterima pakai oleh mereka ialah "Larangan syara' yang membawa erti haram (نهي تحريمي) kalau dilanggar menyebabkan amalan kita rosak dan tidak sah" (النهي يقتضي الفساد). Jika diperhatikan betul-betul hadits yang dibentangkan oleh Bukhari r.a. di bawah bab ini, anda tidak akan dapati di dalamnya kenyataan bahawa Rasulullah s.a.w. telah memakai sama ada pakaian berlambang salib atau bergambar ketika sembahyangnya itu. Apa yang berlaku dalam peristiwa berkenaan hanyalah ada tergantung di salah satu sudut rumah beliau langsir bergambar. Gambar pada langsir itu dikatakan mengganggu beliau kerana kedudukannya yang terletak pada pihak yang dapat dilihat oleh Baginda s.a.w. Tidak jelas pun apakah bentuk atau corak gambar itu sama ada ia merupakan salib atau lain-lain gambar. Persoalan yang timbul sekarang ialah bagaimana Bukhari r.a. mengatakan di dalam tajuk yang dibuatnya "Bab Jika Seseorang Bersembahyang Dengan Memakai Pakaian Yang Ada Lambang Salib Ataupun Gambar-Gambar (Lain Padanya)", lalu beliau mengemukakan di bawah tajuk ini, hadits Anas yang tersebut di atas? Bagaimana beliau menyimpulkan tajuk di atas dengan berpandukan hadits itu? Padahal tidak tersebut pun di dalamnya soal pakai baju atau kain yang ada lambang salib atau lain-lain gambar? Yang ada cuma langsir bergambar! Tajuk-tajuk bab seperti inilah yang mendorong para 'ulama' di sepanjang zaman mengakui dan mengiktiraf kedalaman fiqh Bukhari r.a. Salah satu daripada empat jawapan berikut diberikan untuk menyelesaikan persoalan tadi, iaitu: **Pertama:** Larangan daripada bersembahyang dengan memakai pakaian yang ada lambang salib ataupun gambar-gambar (lain padanya) yang disimpulkan oleh Bukhari r.a. di dalam tajuk bab di atas adalah berdasarkan qaedah "Lebih-lebih lagi" atau (من باب الأولى). Maksudnya ialah jika langsir yang tergantung itu pun diperintah Rasulullah s.a.w. supaya dibuang atau dengan kata lain dilarang baginda, memakainya tentulah lebih-lebih lagi terlarang. **Kedua:** Pakaian berlambang salib diqiaskan dengan pakaian bergambar daripada segi kedua-duanya disembah oleh orang-orang kafir. Kerana itu kedua-duanya termasuk dalam larangan Baginda s.a.w. **Ketiga:** Perintah supaya dibuang langsir bergambar secara tersirat mengandungi larangan memakainya. **Keempat:** Bagi 'ulama'-ulama' seperti Imam Ahmad dan lain-lain hukum langsir bergambar yang diperintah Baginda s.a.w. supaya dibuang dari hadapannya itu, sekurang-kurangnya adalah makruh. Kerana ia boleh menghilangkan khususnya seseorang yang bersembahyang. kalau tidak, mengapa Beliau s.a.w. menyuruh 'Aaisyah r.a. membuangnya?

٣٦١ - حَدَّثَنَا أَبُو مَعْمَرٍ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ عَمْرٍو قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَارِثِ قَالَ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْعَزِيزِ بْنُ صُهَيْبٍ عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ كَانَ قِرَامَ لِعَائِشَةَ سَتَرَتْ بِهِ جَانِبَ بَيْتِهَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَمِيطِي عَنَّا قِرَامَكَ هَذَا فَإِنَّهُ لَا تَرَالُ تَصَاوِيرُهُ تَعْرِضُ فِي صَلَاتِي

361- Abu Ma'mar `Abdullah bin `Amar meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Waarits meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdul Aziz bin Suhaib meriwayatkan kepada kami daripada Anas bin Malik, (katanya): “Aaisyah ada sehelai langsir. Beliau menutup satu sudut rumahnya dengan langsir itu. (Setelah melihatnya) Nabi s.a.w. bersabda: “Buangkan langsirmu itu dari hadapanku kerana gambar-gambarnya terus mengganggu sembahyangku.”⁴³⁵

بَابُ مَنْ صَلَّى فِي فُرُوجِ حَرِيرٍ ثُمَّ رَعَهُ

Bagaimana pula kalau kain bergambar seperti itu dipakai seseorang ketika bersambahyang?? Tentulah hukumnya lebih teruk lagi. Hukum yang teruk lagi dari itu tidak lain dan tidak bukan ialah haram. Dengan menyebutkan kain berlambang salib di dalam tajuk di atas, Bukhari r.a. juga mahu mengisyaratkan kepada satu hadits yang diriwayatkan oleh `Aaisyah r.a. dan dikemukakan oleh beliau sendiri di dalam Kitab Al-Libas: (صلى الله عليه) أَن النَّبِيِّ (صلى الله عليه) لَمْ يَكُنْ يَتْرُكُ فِي بَيْتِهِ شَيْئًا فِيهِ تَصَالِيْبٌ إِلَّا تَقَضَّاهُ. Maksudnya: “Sesungguhnya Nabi s.a.w. tidak membiarkan di rumahnya sesuatu yang terdapat padanya lambang salib melainkan dihapuskannya.”

⁴³⁵ Antara pengajaran dan panduan yang dapat diambil dari hadits ini ialah: (1) Keprihatinan isteri Nabi s.a.w. terhadap apa-apa yang boleh menyenangkan hati beliau semasa di rumah. (2) Dilarang memasang langsir yang mempunyai lambang salib atau gambar sesuatu yang dipuja oleh manusia terutamanya kalau ia tergantung di sebelah qiblat dan kelihatan dengan jelas kepada orang yang bersembahyang. (3) Memakai pakaian yang mempunyai lambang salib atau gambar sesuatu yang dipuja oleh manusia lebih-lebih lagi dilarang terutamanya ketika bersembahyang. (4) Orang yang hendak bersembahyang dituntut supaya menjauhi segala perkara yang boleh menghilangkan khushy'annya di dalam sembahyang. (5) Tempat sembahyang sebolehnya hendaklah tempat yang tenang dan kosong daripada segala gangguan. (6) Nabi s.a.w. di dalam hadits di atas hanya menyebutkan bahawa gambar-gambar itu terus mengganggu sembahyangku, beliau tidak mengatakan gambar-gambar itu memutuskan atau membatalkan sembahyangku. Kerananya kebanyakan `ulama', termasuk Imam Bukhari r.a. berpendapat adalah makruh bersembahyang dalam keadaan lambang salib atau gambar-gambar lain berada di hadapan seseorang yang bersembahyang. Demikian juga hukumnya sembahyang orang yang memakai pakaian berlambang salib atau gambar-gambar lain, namun sembahyangnya itu tetap sah. (7) Gambar-gambar yang dilarang ada pada kain langsir yang terentang di hadapan orang yang bersembahyang atau pada kain yang dipakainya ketika bersembahyang bukan sahaja terhad pada gambar-gambar manusia, binatang atau hidupan yang dipuja, malah termasuk juga gambar benda-benda atau kejadian-kejadian lain yang dipuja di kalangan masyarakat tertentu seperti pokok, matahari dan lain-lain. (8) Tulisan-tulisan, iklan-iklan atau gambar-gambar tertentu yang terdapat di belakang baju (T-Shirt dan sebagainya) yang dipakai oleh jema'ah di saf hadapan, juga tidak kurang mengganggu jema'ah di belakangnya. Oleh itu ia juga termasuk dalam larangan hadits di atas. Pahala sembahyang jema'ah orang yang memakai baju seperti itu (ketika bersembahyang jema'ah) tentu sekali akan berkurang, memandangkan pahala jema'ah di belakangnya juga berkurang kerana terganggu dengan tulisan-tulisan atau iklan di belakang bajunya. Ini adalah satu fenomena jelik dalam masyarakat yang tidak seharusnya dibiarkan berterusan. (9) Lebih makruh lagi bersembahyang di tempat yang terdapat patung, tugu atau berhala dan sebagainya di antara orang yang bersembahyang dan qiblat. Kerana ia memberi gambaran seperti orang-orang kafir yang menyembahnya. Malah ramai juga `ulama' berpendapat haram bersembahyang di tempat seperti itu. (10) Memasang langsir di pintu rumah, jendela, dinding dan lain-lain sebagai perhiasan pada dasarnya adalah diharuskan. Yang menjadikan makruh atau haram ialah sesuatu yang lain yang ada padanya.

16- Bab Orang Yang Bersembahyang Dengan Memakai Farruj Sutera, Kemudian Dia Menanggalkannya.⁴³⁶

⁴³⁶ Bab ini diadakan Bukhari r.a. untuk menjelaskan lagi kedudukan hukum sembahyang seseorang yang memakai pakaian yang diharamkan, seperti sutera kepada lelaki. Bagi beliau sembahyang orang yang memakai pakaian atau perhiasan yang diharamkan seperti sutera, cincin emas dan lain-lain kepada lelaki adalah sah, walaupun dia berdosa kerana memakainya. Demikian juga pendapat jumhur 'ulama'. Keadaan orang itu sama seperti muhrim (orang yang berihram) yang memakai pakaian berjahit. Walaupun muhrim haram memakainya tetapi kalau dia bersembahyang dengan memakainya, sembahyangnya tetap sah. Sebabnya ialah pakaian yang dikehendaki untuk sahnya sembahyang hanyalah yang bersih dan menutup 'aurat. Kesalahan kerana melanggar peraturan ihram itu suatu perkara yang lain pula. Kerananya dia mestilah membayar fidyah atau kaffarah. Demikian juga dengan lelaki yang memakai sutera ketika bersembahyang. Kesalahan memakai sutera itu adalah suatu perkara lain. Ia tidak khusus dengan sembahyang semata-mata. Imam Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah bin 'Aamir sebagai dalil kepada sahnya sembahyang seseorang yang memakai sutera. Padahal sutera itu diharamkan kepada golongan lelaki. Lihat bagaimana Rasulullah s.a.w. tidak mengulangi kembali sembahyangnya yang ditunaikan dengan memakai baju sutera. Sebaik sahaja selesai bersembahyang, baginda terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya seraya bersabda: "Baju sutera ini tidak sesuai untuk orang-orang yang bertaqwa." Kata-kata beliau ini jelas menunjukkan sutera memang diharamkan kepada orang-orang lelaki Islam. Namun begitu beliau tidak mengulangi kembali sembahyang yang telah dikerjakannya. Tetapi pihak pembantah (seperti Imam Ahmad berdasarkan pendapatnya yang terkuat) boleh berkata bahawa tiada dalil bagi Bukhari r.a. di dalam hadits 'Uqbah itu. Sebabnya ialah sutera belum lagi diharamkan kepada lelaki ketika Nabi s.a.w. memakainya di dalam sembahyang berkenaan. Pengharamannya baru berlaku setelah Baginda s.a.w. selesai mengerjakannya. Kalaulah sutera memang telah diharamkan sebelum itu bagaimana Baginda s.a.w. memakainya pula, lebih-lebih lagi untuk bersembahyang. Tidak mungkin sama sekali Rasulullah s.a.w. melakukan sesuatu yang telah diharamkan. Justeru beliau terpelihara daripada dosa. Apa lagi tersebut di dalam hadits riwayat Jabir yang dikemukakan oleh Muslim bahawa: *صلى في قبا ديباج ثم نزع عنه وقال نهاني عنه جبريل* Bermaksud: (Nabi s.a.w.) telah bersembahyang dengan memakai baju (kot) labuh daripada sutera. Kemudian beliau menanggalkannya dan berkata: "Jibril melarang aku daripada memakainya." Kalau begitu kenapa Imam Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah sebagai dalil kepada da'waannya? Di mana kewajarannya?? Memang begitulah lafaz hadits yang dikatakan telah dikemukakan oleh Muslim daripada Jabir, seperti yang disebutkan oleh Hafiz Ibnu Hajar, al-'Aini dan lain-lain dengan menukulkannya daripada Nawawi. Tetapi jika diperhatikan betul-betul, lafaz yang tepat seperti itu tidak terdapat di dalam Muslim. Apa yang tersebut di dalam Muslim, Nasaa'i, Musnad Ahmad, Musnad Abi 'Awaanah dan lain-lain sebagai riwayat Jabir itu adalah seperti berikut:

لَبِسَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَوْمًا قَبَاءَ مِنْ دِيْبَاجٍ أَهْدَى لَهُ ثُمَّ أَوْشَكَ أَنْ نَزَعَهُ فَأَرْسَلَ بِهِ إِلَى عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ فَقِيلَ لَهُ قَدْ أَوْشَكَكَ مَا نَزَعْتَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ نَهَانِي عَنْهُ جِبْرِيلُ فَجَاءَهُ عُمَرُ يَتَكِي فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ كَرِهْتَ أَمْرًا وَأَعْطَيْتَنِيهِ فَمَا لِي قَالَ إِنِّي لَمْ أُعْطِكُ لَتَلْبَسَهُ إِنَّمَا أُعْطَيْتُكَ تَبِيعَهُ فَبَاَعَهُ بِالْفَنِيِّ دَرَاهِمَ

Bermaksud: Pernah pada suatu hari Nabi s.a.w. memakai kot labuh daripada sutera yang dihidiahkan kepadanya. Sebentar kemudian Beliau s.a.w. menanggalkan kot itu lalu mengirimkannya kepada 'Umar bin al-Khatthaab. Maka ada orang berkata: "Sekejap sangat engkau memakainya wahai Rasulullah s.a.w.!". Pada ketika itu baginda bersabda: "Jibril telah melarangku memakainya." (Setelah mendapat tahu tentang larangan Jibril itu) Terus datanglah 'Umar kepada Rasulullah s.a.w. sambil menangis dan berkata: "Wahai Rasulullah s.a.w.! Setelah engkau tidak sukakan sesuatu, engkau memberinya pula kepadaku?! Apalah nasibku ini! (Maka) Berkatalah nabi s.a.w.: "Sesungguhnya aku tidak memberikan kot ini kepadamu supaya kamu memakainya. Tujuan aku memberinya kepadamu ialah supaya kamu menjualnya." 'Umar pun menjual kot sutera itu dengan harga dua ribu dirham."

Di dalam hadits ini langsung tidak disebutkan Nabi s.a.w. telah bersembahyang dengan memakai kot labuh daripada sutera yang dihidiahkan kepada beliau itu. Tidak juga tersebut di dalamnya Jibril melarang Baginda s.a.w. setelah selesai bersambahyang. Kemungkinan pengharaman sutera semasa Nabi s.a.w. sedang bersembahyang tetap ada, lantaran beliau boleh juga menerima wahyu ketika dalam sembahyang. Kemungkinan Jibril melarang Baginda s.a.w. daripada memakai sutera ketika beliau masih dalam sembahyang juga tetap ada. Terutamanya apabila dilihat bahawa sebaik saja beliau selesai bersembahyang, beliau terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya. Nah! di situlah letaknya kewajaran Bukhari r.a. mengemukakan hadits 'Uqbah di bawah tajuk bab ini. Di dalam Lami' ad-Daraari, Maulana Rasyid Ahmad Ganggothi juga menulis bahawa: "Wahyu yang disampaikan Jibril tentang larangan memakai sutera itu turunnya adalah ketika Baginda s.a.w. masih di dalam sembahyang." Adapun hadits yang dikatakan telah dikemukakan oleh Muslim daripada Jabir itu sebenarnya bukanlah lafaz asalnya. Ia tidak lebih daripada andaian yang disimpulkan oleh Imam Nawawi daripada hadits Jabir

٣٦٢ - حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ يُوسُفَ قَالَ حَدَّثَنَا اللَّيْثُ عَنْ يَزِيدَ بْنِ أَبِي حَبِيبٍ عَنْ أَبِي الْخَيْرِ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ عَامِرٍ قَالَ أَهْدَيْتُ إِلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَرُوجَ حَرِيرٍ فَلَيْسَهُ فَصَلَّى فِيهِ ثُمَّ انْصَرَفَ فَنَزَعَهُ نَزْعًا شَدِيدًا كَالْكَارِهِ لَهُ وَقَالَ لَا يَنْبَغِي هَذَا لِلْمُتَّقِينَ

362- `Abdullah bin Yusuf meriwayatkan kepada kami, katanya: al-Laits meriwayatkan kepada kami daripada Yazid bin Abi Habib daripada Abil Khair daripada `Uqbah bin `Aamir, katanya: “Pernah dihadihkan kpd Nabi s.a.w. sehelai farraj sutera (sejenis kot labuh yg terbelah di bahagian hadapan dan belakangnya).⁴³⁷ Lalu baginda bersembahyang dengan memakainya. Tetapi sebaik saja selesai bersembahyang, baginda terus menanggalkannya dengan kuat sekali seperti orang yang membencinya seraya bersabda: “Baju sutera ini tidak sesuai untuk orang-orang yang bertaqwa.”⁴³⁸

setelah menggabungkannya dengan hadits `Uqbah yang sedikit sebanyak ada persamaan dengannya. Berikut adalah lafaz komen Imam Nawawi terhadap hadits ini. Lihatlah dengan teliti apa kata beliau:

وهذا اللبس المذكور في هذا الحديث كان قبل تحريم الحرير على الرجال ولعل أول النهي والتحريم كان حين نزعه ولهذا قال صلى الله عليه وسلم في حديث جابر الذي ذكره مسلم قبل هذا بأسطر حين صلى في قباء ديباج ثم نزعه وقال نهاني عنه جبريل فيكون هذا أول التحريم والله أعلم - شرح النووي على مسلم - (ج 14 / ص 52).

⁴³⁷ Orang yang menghadihkan farraj sutera itu kepada Nabi s.a.w. ialah Ukaidir bin `Abdul Malik al-Kindi. Dia ialah pembesar Dumatil Jandal. Dumatil Jandal terletak kira-kira tiga belas marhalah dari Madinah (satu marhalah ialah jarak satu hari pejalan kaki). Dari Dimasyq dan Kufah pula ia terletak sejauh sepuluh marhalah. Khathib al-Baghdadi di dalam kitabnya al-Mubhamaat menulis bahawa Ukaidir ini dahulunya adalah seorang Kristian kemudian dia memeluk agama Islam. Beliau juga menulis bahawa ada juga dikatakan, dia mati sebagai seorang Kristian. Ibnu Mandah dan Abu Nu`aim di dalam kitab mereka tentang para sahabat menulis bahawa Ukaidir telah memeluk agama Islam. Dialah orangnya yang menghadihkan kepada Rasulullah s.a.w. sepasang pakaian sutera Siyaraa'. Ibnu al-Atsir pula di dalam kitabnya Ma`rifatu as-Sahabah (pengenalan para sahabat) berkata: “Tentang hadiah dan persetujuannya untuk membayar jizyah kepada Nabi s.a.w. itu memang betul. Tetapi tentang dia memeluk agama Islam, itu salah. Kerana ahli-ahli Sirah sepakat mengatakan dia tidak memeluk agama Islam. Orang yang mengatakan dia memeluk Islam sebenarnya telah teruk tersalah.” Ibnu al-Atsir berkata lagi: “Ukaidir beragama Kristian. Setelah bersetuju untuk membayar jizyah kepada Rasulullah s.a.w. dia pulang ke bentengnya dan terus menetap di sana, sehinggalah Khalid bin al-Walid mengepung bentengnya itu di zaman Abu Bakar r.a. Dia kemudiannya dibunuh oleh Khalid sebagai seorang musyrik nashrani akibat pembatalan janji olehnya. Berdasarkan kenyataan ini Ukaidir tidak boleh dibilang sebagai salah seorang sahabat Rasulullah s.a.w.”

⁴³⁸ Erti orang-orang yang bertaqwa ialah orang-orang yang mengelak diri. Yang dimaksudkan dengan orang-orang yang mengelak diri di sini ialah sama ada orang-orang yang mengelak diri daripada kekufuran, maka ertinya ialah orang-orang Islam dan orang-orang mu'min. Atau orang-orang yang mengelak diri daripada kema'shitan, maka ertinya ialah orang-orang yang salih. Terdapat lebih daripada sepuluh pendapat `ulama' tentang hukum memakai sutera: (1) Jumhur `ulama', termasuk Imam Bukhari r.a. berpendapat haram kepada lelaki memakai sutera kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu tetapi tidak haram kepada perempuan dalam semua keadaan. (2) Haram kecuali ketika berperang. Ini adalah pendapat Anas, Abu Musa al-Asy'ari, Muhammad bin al-Hanafiyyah, `Urwah, Hasan Bashri, Abu Yusuf, Muhammad bin Hasan Asy-Syaibani, Syafi'e, Ahmad dan at-Thabari. (3) Sesetengah `ulama' Syafi'iyah berpendapat haram kecuali ketika bermusafir. Tetapi Nawawi mengatakan pendapat ini dha'if. (4) Haram kepada lelaki kecuali dalam keadaan dharurat seperti sakit (yang memerlukan pesakit memakai sutera). Ini adalah pendapat jumhur `ulama' termasuk Bukhari r.a. (5) Haram kecuali sutera pada sesuatu pakaian itu hanya sekadar dua, tiga atau empat jari sahaja. (6) Haram kecuali pada cap atau tanda pakaian yang tidak melebihi empat jari. Ini adalah pendapat Hanafiyyah, Syafi'iyah dan satu pendapat Malikiyyah. (7) Ibnu az-Zubair berpendapat sutera haram kepada lelaki dan perempuan. (8) Haram pada pakaian tetapi tidak pada hamparan, bantal atau pelapik yang dipijak dengan kaki. Ini adalah pendapat Abu Hanifah dan sekumpulan Malikiyyah. (9) Menurut Abdullah bin Abi Mulaikah dan sekumpulan golongan Zahiriyyah sutera harus / boleh dipakai dalam semua keadaan oleh lelaki dan perempuan. (10) Tidak haram jika sutera itu bercampur dengan kain yang lain dan kain yang lain itu lebih